



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

Setiausaha Kehormat
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
DATIN MAHFUZH ZAKKIAH BINTI HJ ABDIN

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Ahli-ahli Jawatankuasa
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B) DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR DATO' MOHID BIN MOHAMED AISHAH BINTI MAT DESA DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2025(8)

25 MAC 2025

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-8/2025: **RINTIS PELAKSANAAN PELARASAN KADAR HARGA KONTRAK** **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERIKUTAN PELAKSANAAN** **PERINTAH GAJI MINIMUM 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pada 13 Mac 2025, AJK PIKM yang diketuai Presiden Persatuan, Datuk Mohamad Ubaidillah Bin Iman telah bertemu dengan Setiausaha Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mendapatkan maklumbalas terkini berkaitan pelarasan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan (PKK) berikutan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 mengikut Gaji Minimum RM1700. Hasil pertemuan adalah seperti berikut:

- 2.1. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelarasan bagi PGM 2024 bagi kontrak PKK yang bermula dari 1 Oktober 2024.
- 2.2. Bagi permohonan pelarasan kontrak sebelum tarikh tersebut permohonan pelarasan kontrak akan diselenggarakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) daerah berkenaan.

3. Bagi tujuan tindakan pelarasan yang lancar dan secara berfokus kepada kontrak PKK, Bahagian Perolehan KPM telah memutuskan untuk melakukan Rintis Pelaksanaan Pelarasan selama 2 hari iaitu pada 19 dan 20 Mac 2025 di mana beberapa syarikat keselamatan dipanggil secara terus melalui emel.

4. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek Rintis berkenaan perlu membawa bersama dokumen-dokumen sokongan yang lengkap iaitu:

- 4.1. **Surat permohonan pelarasan kadar harga kontrak** mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, dan
- 4.2. **Salinan penyata gaji pekerja bagi bulan Januari 2025** termasuk caruman KWSP.

5. Selain itu, dalam pelaksanaan rintis ini proses yang dilaksanakan adalah bermula daripada permohonan dikemukakan sehingga Surat Berkaitan Kontrak Tambahan dimuat naik ke dalam Sistem ePerolehan dalam tempoh sehari. Projek ini dimulakan untuk Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan beberapa zon yang terpilih di seluruh Malaysia.
6. Rintis ini merupakan inisiatif KPM yang bertujuan untuk mempercepatkan proses urusan pelarasan kadar harga kontrak perolehan Kerajaan di bawah KPM bagi memastikan pelaksanaan PGM 2024 berjalan lancar dan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat, termasuk pekerja yang akan menerima gaji minimum yang lebih baik dan syarikat penyedia perkhidmatan yang dapat mengekalkan kualiti perkhidmatan mereka tanpa menjejaskan kebajikan pekerja.
7. AJK PIKM telah dijemput hadir untuk menyaksikan proses projek Rintis terbabit pada 20 Mac 2025 dan mendapati proses tersebut berjalan lancar.
8. Justeru, ahli-ahli diingatkan untuk bersedia bersama dokumen-dokumen sokongan yang lengkap untuk proses pelaksanaan pelarasan kontrak PKK yang dijangka akan bermula seminggu selepas Hari Raya Aidilfitri.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DATUK MOHAMMAD UBADILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRESIDEN